

# PBS perlu buktikan tak perkauman untuk masuk Barisan— Dr. M

UM 7 JUN 1965

**KUALA LUMPUR 6** Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memerintah Negeri Sabah perlu menunjukkan bahawa ia bukan parti perkauman sebelum Barisan Nasional menerimanya.

Kata Perdana Menteri, Barisan Nasional kini sedang memerhati parti itu sama ada ia parti perkauman atau bukan.

“Sekiranya PBS adalah parti yang hanya tertumpu kepada satu kaum tertentu sahaja, sudah tentu ia tidak sihat,” tambahnya dalam temuramah dengan **Asiaweek**, keluaran terbaru.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, mana-

mana parti yang menyertai Barisan Nasional mestilah menerima konsep Barisan, yang meskipun ia tidak mempunyai keupayaan untuk memerintah sendiri (sesebuah negeri), UMNO telah memilih untuk bekerjasama dengan parti-parti lain.

Katanya, kesan daripada kerjasama seumpama itu ialah unsur perkauman dalam kerajaan dapat dikurangkan.

“Kami tidak mahu kerajaan yang berunsur perkauman. Bagi PBS menyertai Barisan, ia hendaklah menunjukkan yang ia bukan parti perkauman. Oleh sebab itu kami sedang memerhati (PBS),” tambahnya.

Kata Datuk Sri Dr.

Mahathir, semasa Barisan Nasional menerima Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Pulau Pinang atau PAS di Kelantan, satu syarat telah ditetapkan iaitu mereka menerima parti-parti lain dari Barisan dalam kerajaan negeri.

“Jadi kita mempunyai Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana MCA dan UMNO berkongsi kuasa dengan Parti Gerakan. Di Kelantan pula UMNO dan PAS. Bukanlah kerana parti-parti itu (Gerakan dan PAS) tidak mampu memerintah pada waktu itu, tetapi adalah kerana soal dasar bagi kami berkongsi tanggungjawab dan kuasa,” jelasnya.

Schubungan dengan itu, katanya lagi, parti yang memerintah di Sa-

bah juga hendaklah berkongsi kuasa dengan parti-parti lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Parti Berjaya tidak berkongsi kuasa dengan USNO sebelum ini adalah kerana Berjaya merupakan parti berbilang kaum dan mencerminkan konsep Barisan.

Ditanya mengenai ke-

kalahan Berjaya di Sabah baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, sebahagian besar daripada pengundi dalam pilihanraya umum lalu tidak suka akan orang yang memimpin Berjaya atau konsep Berjaya sendiri.

“Ada juga sebilangan pengundi yang menentang dasar Kerajaan Per-

sekutuan. Tetapi orang yang menolak Berjaya adalah orang-orang yang menyokong Berjaya pada suatu masa dahulu.

Mengenai sebilangan pemimpin mahu Sabah dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia, beliau menyatakan, Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan sedar bahawa ada orang-orang yang menyokongnya sebenarnya berhasrat supaya perpisahan itu berlaku.

“Saya juga pernah membaca sepucuk surat daripada salah seorang pemimpin kepada Presiden USNO, Tun Datuk Mustapha Datu Harun bahawa mereka akan menyokongnya (Tun Mustapha) sekiranya beliau sanggup mengeluarkan Sabah daripada Malaysia,” jelasnya.

Ditanya sama ada kemenangan PBS merupakan kekalahan konsep majmuk, Perdana Menteri mengaku bahawa itu mungkin kekalahan dalam segi tertentu.

“Agak malang bahawa kumpulan-kumpulan (perkauman) itu muncul (di Sabah).

“Ada bukti-bukti bahawa perasaan agama telah terganggu. Sebahagiannya adalah kerana Kerajaan Persekutuan dan sebahagian lagi adalah kerana personaliti Datuk Harris sendiri. Sementara golongan lain pula menentang tindakan Datuk Harris dalam isu Tambunan,” tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.